



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI PENGAJAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 2025 DAN SAMBUTAN JUBLI BAIDURI ILKKM JOHOR BAHRU

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Pengajar KKM Tahun 2025 yang diadakan bersekalikan dengan Sambutan Jubli Baiduri Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Johor Bahru pada 3 November 2025. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan dengan tema “**Pengajar Cemerlang: Pemacu Reformasi Profesional Kesihatan MADANI**”, yang menzahirkan komitmen KKM dalam mengangkat martabat profesion pengajar sebagai teras pembangunan modal insan kesihatan di Malaysia. Majlis ini turut menghargai komitmen dan dedikasi lebih 1,000 orang pengajar KKM yang sedang berkhidmat di 19 ILKKM diseluruh negara dalam melahirkan tenaga kesihatan barisan hadapan yang berilmu, berintegriti dan berempati terhadap masyarakat.

Mulai tahun 2025, **Sambutan Hari Pengajar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** akan diraikan pada **3 November** setiap tahun, menggantikan tarikh asal 1 Jun. Penetapan tarikh baharu ini bertujuan memastikan penglibatan menyeluruh warga ILKKM termasuk dari Sabah dan Sarawak, memandangkan tarikh asal bertembung dengan Perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai yang disambut di kedua-dua negeri berkenaan.

Pada majlis ini, YB Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan bahawa peranan pengajar KKM tidak hanya terhad dalam penyampaian ilmu di bilik kuliah, tetapi turut merangkumi tanggungjawab sebagai mentor klinikal, pembimbing sahsiah profesional dan penyelia lapangan di fasiliti kesihatan, bagi memastikan para pelatih menguasai kemahiran teori dan amali secara menyeluruh. Semangat Malaysia MADANI yang berteraskan nilai kemampanan, kesejahteraan dan ihsan turut dizahirkan melalui komitmen para pengajar dalam memperkukuh sistem latihan

kesihatan negara. Selaras dengan komitmen tersebut, **Kerajaan MADANI telah memperuntukkan sebanyak RM46.5 bilion dalam Belanjawan 2026 kepada sektor kesihatan**, termasuk pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan kesihatan sebagai tunjang kepada peningkatan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan awam.

Pada majlis yang julung kali diadakan ini, KKM telah memperkenalkan **tiga (3) kategori Anugerah Pengajar sebagai pengiktirafan** kepada warga pengajar yang menunjukkan kecemerlangan dan sumbangan signifikan dalam bidang latihan dan pembangunan profesional. Anugerah tersebut ialah **Anugerah Pengajar Perdana** bagi sumbangan luar biasa dan berimpak tinggi dalam latihan serta kepimpinan, **Anugerah Pengajar Wawasan** bagi pencapaian inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran, serta **Anugerah Pengajar Harapan** bagi pengajar muda yang menunjukkan potensi besar dalam kepimpinan akademik. Penganugerahan ini mencerminkan penghargaan rasmi terhadap dedikasi para pengajar yang menjadi nadi utama kepada pembangunan profesionalisme tenaga kesihatan di KKM.

Majlis ini turut meraikan Sambutan Jubli Baiduri 15 Tahun ILKKM Johor Bahru, yang diiktiraf sebagai antara lima (5) Pusat Kecemerlangan (***Centre of Excellence, CoE***) dalam bidang **Sains Kesihatan** dengan tujahan utama adalah **bidang Fisioterapi dan Terapi Cara Kerja**. Seiring dengan transformasi terkini, ILKKM Johor Bahru berhasrat untuk menjadi **pusat rujukan serantau dalam bidang rehabilitasi dan pemulihan melalui bidang keutamaan seperti *exercise prescription in obesity patients* dan *neurodevelopment treatment for children with cerebral palsy***. YB Timbalan Menteri Kesihatan turut berkesempatan melancarkan buku kenangan bertajuk “Melakar Sejarah: 15 Tahun ILKKM Johor Bahru”, yang mengandungi sejarah penubuhan dan pencapaian ILKKM Johor Bahru dalam melahirkan modal insan kesihatan berkemahiran tinggi sejak tahun 2010.

KKM mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga pengajar KKM. Semoga pengajar KKM terus menjadi obor ilmu dan penyuluh budi dalam memperkasa profesion kesihatan negara selaras dengan aspirasi “Pengajar Cemerlang, Pemacu Reformasi Profesional Kesihatan MADANI.”

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
3 NOVEMBER 2025